

**KERTAS TEMA  
AGAMA SEBAGAI BERKAH BAGI UMAT MANUSIA  
MESYUARAT SOM KE 39 / MABIMS KE 16  
BALI, INDONESIA**

**I PENGENALAN**

1. Hasil daripada penghijrahan manusia silang benua, teknologi komunikasi dan aliran maklumat yang tidak terhad, globalisasi merupakan fenomena yang telah meninggalkan banyak kesan terhadap kehidupan manusia di abad ke 21. Ia antara lain telah meningkatkan interaksi di kalangan manusia baik di antara pengikut-pengikut agama yang berbeza ataupun pengikut agama yang sama tetapi berbeza aliran.<sup>1</sup>
2. Dengan jumlah pengikutnya yang dijangka berjumlah lebih kurang 1.57 billion atau 23 peratus daripada penduduk bumi,<sup>2</sup> risalah Islam telah menjadi risalah global. Ini bererti juga bahawa umat Islam merupakan warga jagat yang mempunyai potensi besar untuk memberi sumbangan di dalam segala aspek kebaikan serta pemakmuran kehidupan manusia.
3. Sepanjang lebih kurang 10 tahun yang lalu, Islam semakin mendapat perhatian penduduk dunia, sama ada dari kalangan yang menganutnya ataupun yang menganuti agama lain dan bahkan termasuk juga yang tidak menganuti apa-apa agama. Walaupun perhatian ini antara lain disebabkan oleh peristiwa-peristiwa malang pengganasan yang disyaki atau terbukti telah dipelopori oleh pengikut-pengikut agama tertentu termasuklah Islam di pelbagai negara, namun, di sebalik krisis ini, umat Islam harus mengambil pendekatan mencari peluang di dalam krisis atau yang digelar sebagai konsep “weiji” di dalam falsafah kehidupan bangsa Cina. Melalui kaca mata meraih manfaat dan peluang, kita dapat melihat bahawa krisis ini telah membuka peluang untuk memperkenalkan dan memperjelaskan Islam serta

---

<sup>1</sup> Bouma, Gary D., *The Challenge of Religious Revitalisation and Religious Diversity to Social Cohesion in Secular Societies* dalam Turner, Bryan S. (ed.), *Religious Diversity and Civil Society: A Comparative Analysis*, (Bardwell Press:London, 2008) ms.13

<sup>2</sup> Pew Research Centre, *Mapping the Global Muslim Population: A Report on the Size and Distribution of the World's Muslim Population*, *lelaman:* <http://pewforum.org/uploadedfiles/Topics/Demographics/Muslimpopulation.pdf> (diambil pada 25 September 2014 )

nilai-nilai kemanusiaannya dengan lebih meluas baik kepada masyarakat Islam sendiri dan masyarakat agama lain.

4. Untuk itu setiap umat Islam yang berada di seluruh pelusuk dunia adalah merupakan duta Islam yang harus dibekalkan dengan penghayatan nilai-nilai risalah global ini. Sebagai warga perkampungan jagat yang semakin ‘mengecil’ disebabkan globalisasi, kini lebih dari masa-masa lalu, umat Islam perlu memahami kesejagatan mesej dan risalah Islam. Perkembangan Islam hari ini merupakan suatu realiti yang sesuai dengan hikmah dan tujuan Ilahi di sebalik perutusan Nabi Muhammad s.a.w. seperti yang digambarkan oleh Allah s.w.t. di dalam Al-Quran

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ

“Tidaklah Kami (Allah s.w.t.) mengutuskan kamu (Wahai Rasulullah) kecuali sebagai rahmat untuk sekalian alam.” (Al-Anbiya:107)

5. Ayat di atas menyentuh dua perkara penting yang membentuk dasar kertas kerja ini. Pertama, ayat ini menekankan bahawa Rahmah merupakan dasar risalah Islam. Sepertimana yang akan dibincangkan di dalam bahagian kedua kertas kerja ini, setiap aspek pemahaman, penerapan dan pelaksanaan agama Islam haruslah diwarnai dengan sifat rahmah. Seorang penulis berpendapat bahawa ternyata ayat ini menunjukkan bahawa Nabi s.a.w. adalah lambang rahmah Allah s.w.t. dan semestinya umat Islam juga bertanggungjawab untuk menghidupkan nilai itu di dalam pergaulan mereka sesama manusia dan makhluk.<sup>3</sup>

6. Kedua, risalah Islam yang didasari nilai rahmah tidak boleh berciri eksklusif atau terhad. Imam At-Thabari di dalam tafsirnya menyokong pendapat atau tafsiran yang menyatakan bahawa perkataan “Lil ‘alamin” (untuk sekalian alam) di sini mencakupi umat Islam dan bukan Islam.<sup>4</sup> Ini bererti siapa dan apa jua di muka bumi Allah s.w.t. berhak mendapatkan rahmah ini. Islam yang merupakan Rahmah Allah s.w.t. harus dijelaskan dan dirasai kebaikannya oleh Muslim dan yang bukan Muslim.

<sup>3</sup> Engineer, Ashgar Ali, “On the Concept of Compassion In Islam”, *Islam and Modern Age*, 2001

<sup>4</sup> أبو جعفر محمد بن جعفر الطبرى، جامع البيان عن تأويل آي القرآن، 99/9

7. Fokus kertas kerja ini adalah kepentingan memahami nilai kesejagatan risalah dan nilai Islam serta keperluan menentukan mesej Islam demi meningkatkan kesedaran dan kefahaman terhadap Islam yang mendalam, baik untuk masyarakat Islam ataupun bukan Islam. Melalui kertas ini, dua unsur utama di dalam ayat tersebut akan dibincangkan pada bahagian kedua, iaitu pertama, pengertian Rahmah dasar risalah Islam dan panduan di dalam segala manifestasi Islam serta unsur kedua iaitu konsep inklusif “Lil ‘alamin” (untuk sekelian alam) sebagai panduan bagi umat Islam di dalam interaksi dan pergaulan mereka sebagai warga jagat. Kertas kerja ini akan seterusnya membincangkan pengalaman dan strategi masyarakat Islam Singapura di dalam meningkatkan kefahaman terhadap Islam di kalangan masyarakat Islam Singapura secara khusus dan masyarakat Singapura dan global secara umum.

## II MENENTUKAN MESEJ ISLAM UNTUK DUNIA MASA KINI - MENYUBURKAN NILAI KEMANUSIAAN ISLAM

### Pengertian Rahmah dan Konsep Saudara Selinsan

8. Penekanan terhadap aspek universaliti kemanusiaan atau yang disebutkan oleh Mufti Syria Syeikh Dr. Baderuddin Hassoun sebagai *alamiatul insan*<sup>5</sup> semakin perlu dan di dalam situasi tertentu adalah genting untuk menghadapi fenomena globalisasi yang antara lain meningkatkan pertemuan budaya, agama dan tamadun. Budaya, agama dan pemikiran manusia setentunya tidak akan dapat diseragamkan dan ini merupakan sunnatullah. Namun, harus ada nilai dasar sebagai panduan dan jembatan yang menghubungkan manusia yang dapat dikongsi sama. Sehubungan ini, umat Islam boleh dikira beruntung kerana mereka telah mewarisi agama yang telah berfungsi sebagai tamadun global dan kosmopolitan. Konsep Rahmatan Lil-alamin (Rahmah untuk sekelian alam) merupakan dasar tamadun global ini.

9. Oleh itu setiap usaha untuk meningkatkan kesadaran dan kefahaman terhadap Islam haruslah bermula dengan pemahaman bahawa Islam sebagai agama didasari rahmah dan membawa rahmah serta kesejahteraan merupakan tujuan risalah kenabian Rasulullah s.a.w. dan matlamat seorang yang beriman dengannya. Bahkan, seorang penulis telah mendapati bahawa perkataan rahmah telah disebut di dalam Al-

<sup>5</sup> Ceramah berjudul “Islam’s Enduring Values for Humanity” pada 22 May 2009, Sheraton Towers, Singapura anjuran Majlis Ugama Islam Singapura.

Quran sebanyak 315 kali berbanding perkataan kejujuran (الصدق) yang berada di tempat kedua dan disebut hanya 145 kali.<sup>6</sup> Kepentingan nilai rahmah di dalam agama Islam juga boleh ditinjau di dalam hadith-hadith Nabi s.a.w. antaranya:

إِنَّ اللَّهَ كَتَبَ كِتَابًا قَبْلَ أَنْ يَخْلُقَ الْخَلْقَ إِنَّ رَحْمَتِي سَبَقَتْ غَضْبِي، فَهُوَ مَكْتُوبٌ عَنْهُ

فوق العرش

“Sesungguhnya Allah (s.w.t) telah menulis sebuah kitab(penentuan) sebelum mencipta segala ciptaan bahawa sesungguhnya rahmatKu mendahului kemarahanKu, dan ia kekal tertulis di sisiNya di atas ‘Arash’”<sup>7</sup>

10. Bahkan, rahmah dan kasih sayang Allah s.w.t. ini bukan hanya terhad kepada ciptaanNya di dunia akan tetapi ia juga berterusan sehingga hari kiamat kelak. Di mana di dalam hadith yang lain Rasulullah s.a.w. menegaskan bahawa tatkala rahmah yang Allah curahkan di bumi sekarang ini hanyalah satu daripada seratus bahagian rahmah dan selebihnya disimpan untuk hari kiamat kelak.<sup>8</sup> Berbekalkan panduan di atas, rahmah jelas merupakan intipati ajaran Islam itu sendiri.

11. Namun perlu difahami bahawa rahmah di sini bukan bererti bersimpati dan memandang rendah terhadap orang yang tidak beragama atau tidak beragama Islam. Bahkan rahmah bererti menginginkan kebaikan dan kesejahteraan bagi mereka di dalam urusan dunia seperti kehidupan kekeluargaan, pekerjaan, pendidikan dan keadaan tinggal mereka dan juga menginginkan supaya mereka diberi hidayah oleh Allah s.w.t. untuk melakukan sesuatu yang akan mengundang keredhaaNya. Dalam erti kata lain, seorang yang bergelar Muslim harus mampu memandang saudara sejnsannya daripada kaca mata rahmah yang selalu inginkan kebaikan untuk mereka.

12. Perlu difahami bahawa layanan seseorang insan terhadap insan yang lain akan ditentukan oleh rangka pandangannya atau sangkaannya. Oleh itu jika seorang Muslim mempunyai orientasi Islam yang memusuhi sesiapa sahaja yang bukan dari agamanya atau aliran ikutannya, maka ini akan menjas kemampuannya untuk

<sup>6</sup> أ.د. راغب الحنفي السرجاني, الرحمة في حياة الرسول صلى الله عليه و سلم, (الرياض:2009)

<sup>7</sup> Bukhari hadith no. (7110), Ibnu Majah (189), Ahmad hadith no. (9148)

<sup>8</sup> Muslim, hadith no. (2753), Ibnu Hibban, hadith no. (6146)

bergaul dengan baik dan seterusnya mengurangkan potensi untuk dapat menyampaikan mesej Islam kepada orang ramai.

13. Di sinilah mesej kemanusiaan Islam memainkan peranan yang penting di dalam meningkatkan kefahaman Islam sejagat oleh umat Islam sendiri. Antara ciri asas mesej kemanusiaan Islam adalah hubungan seorang Muslim dengan insan lain adalah rahmah dan kasih sayang tanpa mengira agama, bangsa ataupun aliran pemahaman agama. Sebagaimana yang ditekankan oleh Syeikh Dr. Muhammad Saeed Ramadan Al-Buthi “*Hakikat bahawa kita seorang insan, hamba dan milik Allah s.w.t. adalah cukup untuk mewajibkan perasaan kasih sayang dan cinta terhadap insan yang lain*”.<sup>9</sup> Ini sesuai dengan konsep kemuliaan Bani Adam yang disebutkan di dalam Al-Quran

\* وَلَقَدْ كَرِمَنَا لَنَا إِدَمْ وَحَسَنَتْهُ فِي الْبَرِّ وَالْخَرْ وَرَزَقْنَاهُ مِنْ أَطْيَابِ  
وَفَضَلَّنَاهُ عَلَى كَثِيرٍ مِّنْ خَلْقِنَا بِفَضْلِنَا

“Dan sesungguhnya telah Kami muliakan anak-anak Adam, Kami angkut mereka di daratan dan di lautan, Kami beri mereka rezki dari yang baik-baik dan Kami lebihkan mereka dengan kelebihan yang sempurna atas kebanyakan makhluk yang telah kami ciptakan”<sup>10</sup>

14. Dengan bertitik tolak dari perasaan rahmah terhadap saudara seinsan, seorang Muslim akan dapat menimbulkan rasa tanggungjawabnya sebenar yang menyeluruh dan membebaskan dirinya dari belenggu prejudis, dendam serta iri. Kebebasan dari prejudis dan sangka buruk inilah kemudiannya akan menimbulkan individu Muslim yang ikhlas dan sanggup memberi sumbangan serta mampu menyampaikan risalah Islam sebenar. Seorang Muslim adalah seorang yang objektif dan tidak membiarkan prejudis ataupun kejadian-kejadian tertentu di dalam sejarah mewarnai pandangannya terhadap insan yang datang dari golongan yang sama. Tidak dinafikan bahawa kejadian-kejadian tersebut pada hakikatnya berlaku, namun perasaan rahmah seorang Muslim akan memandunya untuk melihat sejarah juga secara objektif. Sebagai contoh, telah diriwayatkan bahawa satu jenazah pernah berlalu di hadapan

<sup>9</sup> محمد سعيد رمضان البوطي، الحب في القرآن و دور الحب في حياة الإنسان، (دمشق، دار الفكر: 2009)، ص 79-80

<sup>10</sup> Al-Isra:70

Nabi Muhammad s.a.w. lalu Baginda bangun, sahabat di sekeliling Baginda berkata "Sesungguhnya itu jenazah seorang Yahudi" Baginda s.a.w. lalu menjawab "Bukankah ia juga jiwa (insan)!".<sup>11</sup> Perlu disadari bahawa risalah Islam tidak akan dapat dilaksanakan dengan jayanya sekiranya kita tidak merubah pandangan kita terhadap golongan yang bukan Islam. Bahkan ruh rahmatan lil-'alamin juga akan luput dan diganti dengan risalah yang bersikap eksklusif dan terhad. Kita melihat pada tahun 2010, sekumpulan pengikut agama Kristian yang tidak bertanggungjawab telah mengiklankan keinginan mereka untuk mengadakan Hari Membakar Al-Quran Sedunia dengan tujuan untuk menaikkan kemarahan umat Islam. Akan tetapi kita juga dapati pemimpin-pemimpin politik dan agama selain Islam di peringkat global telah membela umat Islam dan mengcam tindakan kumpulan kecil ini. Selain itu kita juga dapati intelektual dan pemikir kontemporari bukan Islam di barat seperti John L. Esposito, Karen Armstrong, Rabbi Profesor Ruben Firestone yang aktif menerangkan imej Islam dan Muslim yang sebenar kepada masyarakat Barat. Di sini pentingnya untuk kita menghargai persaudaraan seinsan di mana mereka boleh menjadi rakan dan jurucakap untuk meningkatkan kefahaman terhadap Islam.

15. Di dalam menghayati erti persaudaraan seinsan, adalah penting untuk diperjelaskan pemahaman terhadap ayat 10 di dalam Surah Al-Hujurat

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْرَوٌ فَأَصْلِحُوا بَيْنَ أَخْوَيْكُمْ وَأَنْقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ

"Hanyasanya orang-orang yang beriman adalah bersaudara maka hendaklah kamu memperbaiki (hubungan) di antara kedua saudaramu".

16. As-Syahid Syeikh Dr. Muhammad Saeed Ramadan Al-Buthi menjelaskan bahawa terdapat pandangan sebahagian orang yang mengatakan bahawa berdasarkan ayat ini, umat Islam hanya boleh dikira bersaudara dengan umat Islam. Adapun bersama orang yang bukan Islam ataupun yang dianggap mereka sebagai terkeluar dari Islam, tiada sebarang hubungan persaudaraan yang boleh terjalin diantara mereka. Pandangan ini menurut Syeikh Buthi bercanggah dengan ruh Islam dan panduan Al-Quran itu sendiri. Ini kerana walaupun perkataan "إِنَّمَا" digunakan untuk menghadkan sesuatu (للحصر) ia harus dimaksudkan sebagai "Hanyasanya orang-orang beriman hanya boleh kekal sebagai saudara" dan bukan bererti "Orang-

<sup>11</sup> Riwayat Muslim, hadith no. (961)

orang beriman hanya boleh bersaudara dengan yang beriman". Dalam erti kata lain ayat ini menekankan kepentingan untuk umat Islam memperkuatkan hubungan silaturahim diantara mereka namun pada masa yang sama ia tidak menafikan dasar persaudaraan umat Islam dengan saudara seinsan. Bahkan atas dasar persaudaraan seinsan maka Allah s.w.t. telah memerintahkan Rasulullah s.a.w.

فِيمَا رَحْمَةً مِنَ اللَّهِ لِتَلْهُمْ وَلَوْ كُنْتَ فَطَاطَ غَلِيلَ الْقُلُوبِ لَا نَفْصُوا مِنْ حَوْلِكَ فَاعْفُ  
عَنْهُمْ وَاسْتَغْفِرْ لَهُمْ وَشَاوِرْهُمْ فِي الْأَمْرِ فَإِذَا عَزَمْتَ فَتَوَكَّلْ عَلَىَ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ  
الْمُتَوَكِّلِينَ ﴿٤٦﴾

"Maka dengan sebab rahmah (yang melimpah-limpah) dari Allah (kepadamu wahai Rasulullah), engkau telah bersikap lemah-lembut kepada mereka (sahabat-sahabat dan pengikutmu), dan kalaupula engkau bersikap kasar lagi keras hati, tentulah mereka lari dari kelilingmu. Oleh itu maafkanlah mereka (mengenai kesalahan yang mereka lakukan terhadapmu) dan pohonkanlah ampun bagi mereka dan juga bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan (peperangan dan hal-hal keduniaan) itu. Kemudian apabila engkau telah berazam (sesudah bermesyuarat, untuk membuat sesuatu) maka bertawakallah kepada Allah, sesungguhnya Allah Mengasihi orang-orang yang bertawakal kepadaNya."<sup>12</sup>

### **Islam dan Kepelbagaian- Mencari Titik Persamaan Serta Nilai Universal Yang Dikongsi**

17. Mesej kemanusiaan Islam yang disarankan di sini juga menuntut kita untuk memberikan perhatian lebih kepada persamaan dan nilai-nilai kebaikan umum yang boleh dikongsi dan dipersetujui. Sebagaimana yang disebutkan di atas, manusia datang dari pelbagai latar belakang agama, budaya, aliran pemikiran serta orientasi yang berbeza. Bahkan di kalangan umat Islam sendiri terdapat pelbagai pandangan dan bahkan kumpulan-kumpulan yang mempunyai pandangan yang berbeza. Pemenang hadiah Nobel Amartya Sen, pernah menerangkan bahawa manusia dewasa kini terlalu memberikan fokus kepada perbezaan mereka baik dari segi

<sup>12</sup> Ali-'Imran : 159

agama, bangsa ataupun identiti nasional sehingga mereka terlupa akan persamaan dasar yang wujud diantara mereka iaitu kemanusiaan.<sup>13</sup> Ini bukan bererti bahawa kita menafikan dan mengabaikan keunikan budaya, ketamadunan ataupun nilai agama demi keseragaman kerana ia bertentangan dengan kebijaksanaan Allah s.w.t. Namun, perbezaan dan kepelbagaian itu harus kita raikan dan kita hargai dengan berdasarkan kefahaman bahawa manusia semuanya merupakan keluarga besar Adam a.s. sepetimana yang dianjurkan di dalam Al-Quran:

يَأَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُم مِّنْ ذِكْرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائلٍ لِتَعْارِفُوا إِنَّ أَكْثَرَكُمْ  
عِنْدَ اللَّهِ أَنْقَنْكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ حَبِيرٌ

*“Wahai manusia, sesungguhnya Kami menciptakan kamu dari seorang lelaki dan seorang perempuan dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal mengenal. Sesungguhnya orang yang paling mulia di antara kamu di sisi Allah ialah orang yang paling bertakwa di antara kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mengenal”.*<sup>14</sup>

18. Ayat di atas menekankan satu aspek penting di dalam perhubungan manusia iaitu untuk terus kekal objektif dan tidak mudah menghukum atau merendahkan manusia lain. Ini adalah kerana kemuliaan seseorang hanya boleh diukur dengan ketakwaannya dan tidak ada sesiapa pun di kalangan kita yang mampu menentukan kemuliaan seseorang itu kecuali Allah s.w.t. Tugas manusia adalah untuk memahami serta memanfaatkan kebaikan serta kelebihan yang terdapat di dalam kepelbagaian. Oleh itu Allah s.w.t. mengingatkan kita akan bahaya bersikap prejedis, bersangka buruk ataupun memandang rendah sehingga membawa kepada kancang diskriminasi

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا يَسْخِرُ قَوْمٌ مِّنْ قَوْمٍ عَسَىٰ أَنْ يَكُونُوا خَيْرًا مِّنْهُمْ وَلَا نِسَاءٌ مِّنْ نِسَاءٍ  
عَسَىٰ أَنْ يَكُنْ خَيْرًا مِّنْهُنَّ وَلَا تَلْمِزُوا أَنفُسَكُمْ وَلَا تَنابِرُوا بِالْأَلْقَبِ بِئْسَ الْأَسْمَ أَلْفُسُوقُ  
بَعْدَ الْإِيمَانِ وَمَنْ لَمْ يَتُبْ فَأُولَئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ

<sup>13</sup> Sen, Amartya, *Identity and Violence: The Illusion of Destiny*, (W.W. Norton & Co. Ltd: London, 2006), p.21

<sup>14</sup> Al-Hujurat :13

*“Wahai orang yang beriman! Janganlah sesuatu puak merendah-rendahkan puak yang lain, mungkin puak yang dicemuh itu lebih baik daripada mereka (yang mencemuh); dan janganlah pula kaum wanita ke atas kaum wanita yang lain mungkin puak yang dicemuh itu lebih baik daripada mereka (yang mencemuh); dan janganlah kamu mencela dirimu sendiri; dan janganlah kamu panggil-memanggil antara satu sama lain dengan gelaran buruk. Amatlah buruk sebutan nama fasik sesudah ia beriman. Dan sesiapa yang tidak bertaubat maka merekalah orang yang zalim”<sup>15</sup>*

19. Makanya sebagai permulaan di dalam meningkatkan kefahaman terhadap Islam sebagai agama yang membawa keberkatan, umat Islam dan bukan Islam perlu bermula pada lembaran yang sama. Mereka harus menghilangkan warna-warna prejudis dari lensa pergaulan mereka. Adalah menjadi lumrah apabila manusia melihat sesuatu yang baru atau berbeza dari kebiasaan pemikiran atau cara kehidupannya untuk lebih berhati-hati. Namun kebimbangan ini tidak boleh dibiarkan bertukar menjadi perasaan cemas dan sangkaan buruk lantas menguasai hati dan minda umat Islam yang seharusnya berkeyakinan tinggi. Sepertimana yang diingatkan oleh pemikir kontemporari Dr Tariq Ramadan di dalam buku terbarunya:

*“Fear, doubt and distrust are imperceptibly colonising our hearts and minds. And so the other becomes our negative mirror, and the other’s difference allows us to define ourselves, to ‘identify’ ourselves”<sup>16</sup>*

20. Umat Islam harus dibekalkan dengan keyakinan untuk berinteraksi dan mencari manfaat yang boleh diraih daripada kepelbagaian saudara seagama dan seinsan. Sebagai contoh, bagaimana umat Islam di sebelah timur jagat boleh memanfaatkan kemajuan teknologi, metodologi ilmu dan kajian dari umat barat jagat. Umat Islam tidak harus cepat menolak semua yang datang daripada barat, akan tetapi harus menganalisisnya dengan minda yang kritikal. Bahkan umat Islam di timur jagat juga boleh berkongsi pengalaman kehidupan beragama mereka, hasil penyelidikan pakar mereka di dalam semua bidang dan aspek-aspek lain bersama saudara seinsan mereka.

---

<sup>15</sup> Al-Hujurat :11

<sup>16</sup> Ramadan, Tariq, *The Quest For Meaning-Developing a Philosophy of Pluralism*, (London: Penguin Books, 2010), p.42

21. Budaya pertukaran dan pengembangan ilmu dari tamadun lain dan membangunkannya untuk manfaat Islam dan sesuai dengan landasannya, bukanlah sesuatu yang asing bagi tamadun Islam. Saidina Umar r.a. telah memperkenalkan sistem *dawawin* (kementerian) Parsi di dalam pentadbiran empayar Islam. Khilafah Abbasiyah pula telah menyemarakkan budaya mengambil ilmu-ilmu Yunan, Parsi dan India untuk kemudian dipelajari dan dikembangkan oleh umat Islam.
22. Oleh itu, nilai-nilai seperti keadilan sosial, rahmah dan pengiktirafan insaniah dan tujuan-tujuan umum seperti pengembangan ilmu dan kemajuan teknologi, menghargai kepelbagaian dan mewujudkan persefahaman harus menjadi paksi di dalam meningkatkan kefahaman umat Islam dan bukan Islam sejagat.

### **Peranan Kepimpinan Agama dan Pertubuhan Islam**

23. Di dalam rangka meningkatkan kefahaman terhadap Islam, setentunya kepimpinan agama bertanggungjawab untuk membangunkan keyakinan Muslim untuk bergaul dengan sesiapa sahaja dan memainkan peranannya sebagai duta Islam. Kepimpinan agama harus secara aktif dan sedar menerapkan nilai-nilai inklusif dan kemanusiaan Islam ke dalam rangka pendidikan Islam serta wadah-wadah dakwah mereka.
24. Untuk memastikan peningkatan kefahaman yang selari, mesej kemanusiaan Islam yang dibincangkan di atas perlu disasarkan kepada kedua-dua masyarakat Islam dan yang bukan Islam.
25. Bagi masyarakat Islam, mereka harus memahami dan menjawai ruh rahmah serta tasawwur Islami yang bebas dari prejudis atau dendam. Kepimpinan agama memainkan peranan yang penting di dalam mengukuhkan keyakinan dan menghilangkan keraguan atau kebimbangan umat Islam akan larutnya keimanan dan identiti Muslim melalui pergaulan dan interaksi mereka dengan saudara seinsan yang berlainan agama ataupun aliran. Adalah tidak salah untuk menyatakan bahawa tidak ada satu negara di dunia yang boleh mengaku bahawa ia menikmati keseragaman fahaman agama ataupun budaya. Secara lumrahnya umat Islam sama seperti manusia lain, jika tidak dibekalkan kefahaman dan kemahiran untuk berdepan dengan kepelbagaian akan mula membina dinding-dinding yang memisahkan mereka

daripada masyarakat lain. Seandainya kepimpinan agama sendiri tidak mempelopori sifat inklusif dan tasawwur kemanusiaan Islami, umat Islam pertama akan gagal memahami intipati dan tujuan risalah Islam yang mereka anuti dan kedua akan terlepas peluang meningkatkan kefahaman dunia terhadap Islam sebagai agama yang membawa keberkatan. Bahkan lebih buruk lagi, ia boleh membawa kepada pemahaman negatif terhadap ajaran Islam.

26. Kedua, di dalam meningkatkan kefahaman orang yang bukan Islam terhadap Islam, pendekatan dialog antara agama boleh dijadikan titik permulaan untuk meningkatkan kefahaman orang bukan Islam terhadap Islam. Namun objektif daripada dialog antara agama perlu jelas. Ia bukan bertujuan untuk menyeragamkan agama atau untuk melarutkan keunikan setiap agama. Bahkan ia bertujuan untuk mewujudkan persefahaman melalui pertukaran maklumat secara fizikal dan langsung tentang dasar setiap agama. Ia juga memberi ruang untuk pengikut setiap agama memahami dan menghargai perbezaan di dalam situasi yang tenang, objektif dan rasional. Melaluiinya, umat Islam dapat memperbetulkan segala salah tanggap terhadap agama Islam yang telah diwarnai oleh peristiwa-peristiwa keganasan ataupun paparan media dunia terhadap keadaan masyarakat Islam tertentu seperti penindasan kaum wanita dan kanak-kanak.

Allah s.w.t. telah menjelaskan di dalam Al-Quran:

وَلَوْ شَاءَ رَبُّكَ لَجَعَلَ النَّاسَ أُمَّةً وَاحِدَةً وَلَا يَرَوْنَ مُخْتَلِفِينَ ﴿٤١﴾

“Dan kalauolah Tuhanmu (wahai Rasulullah) menghendaki, tentulah Dia menjadikan umat manusia semuanya menurut agama yang satu. (Tetapi Dia tidak berbuat demikian) dan kerana itulah mereka terus-menerus berselisihan.”<sup>17</sup>

27. Ayat ini mengingatkan bahawa umat Islam perlu akur bahawa orang yang mempunyai aqidah berbeza darinya akan terus wujud di dunia ini dan melenyapkan mereka secara total kecuali dengan izin Allah adalah mustahil. Untuk itu mereka harus mampu mendidik jiwa untuk dapat hidup dengan sunnatullah ini berdasarkan nilai-nilai kemanusiaan yang telah disarankan di atas serta melalui dialog agar mereka tidak

<sup>17</sup> Hud:118

akan membiarkan perasaan bimbang terhadap perbezaan pandangan insan beragama lain menguasai minda dan jiwa mereka.

28. Kepimpinan agama perlu memperkenalkan umat Islam akan tradisi dialog demikian yang ternyata mekar di dalam sejarah ketamadunan Islam. Sebagai contoh, Jaafar bin Abu Talib ketika mengetuai kumpulan hijrah pertama ke Habasyah telah menerangkan konsep dan keistimewaan Maryam r.a. di dalam ajaran Islam dan Al-Quran kepada Raja Habasyah ketika itu. Bahkan walaupun setelah Islam bertapak di Madinah Al-Munawwarah, Rasulullah s.a.w. telah menerima perwakilan Nasrani Najran pada tahun ke 9 Hijrah di Madinah Al-Munawwarah dan mereka setelah itu pulang tanpa dipaksa menukar kepercayaan agama mereka.<sup>18</sup>

29. Namun, pemahaman terhadap Islam tidak boleh disampaikan hanya melalui tulisan dan wadah perbincangan dan dialog sahaja. Lebih penting lagi, usaha peningkatan pemahaman terhadap Islam akan lebih berkesan jika umat Islam dapat dilihat sebagai menyumbang ke arah kemakmuran dunia, alam sekitar dan penduduk bumi. Di mana sahaja umat Islam berada, mereka harus selalu dirangsang semangat untuk menyumbang secara aktif kepada pembangunan dan kesejahteraan masyarakat setempat mereka dan tidak menyulitkan mereka. Di sini, pertubuhan Islam dapat memainkan peranan yang penting untuk mengadakan program-program yang mencerminkan nilai-nilai rahmah dan sensitiviti umat Islam terhadap penduduk bumi dan bumi itu sendiri. Bahkan kerana dorongan agama yang kuat untuk menyumbang secara positif umat Islam akan tetap menyumbang sama ada melalui pertubuhan Islam ataupun bukan Islam.

30. Sehubungan dengan itu umat Islam di dalam melakukan kebaikan dan kebajikan tidak boleh bersikap ‘insular’. Bererti mereka tidak boleh hanya memikirkan kebaikan dan kesejahteraan saudara seagamanya atau sealirannya sahaja. Dengan dipandu semangat Rahmatan lil-Alamin, setiap program pemerkasaan, kebajikan, peningkatan mutu pembelajaran, pembangunan keupayaan sosial dan ekonomi yang dijalankan pertubuhan Islam haruslah bersifat menyeluruh. Ini sesuai dengan anjuran Nabi Muhammad s.a.w.

---

<sup>18</sup> المبا رکفوری، الرحیق المختوم، جزء ۱ ص ۴۴۸

خَيْرُ النَّاسِ أَنْفَعُهُمْ لِلنَّاسِ

“Sebaik-baik manusia ialah yang paling bermanfaat untuk manusia”<sup>19</sup>

### III KE ARAH MENINGKATKAN KEFAHAMAN DAN KESEDARAN TERHADAP ISLAM- PENGALAMAN SINGAPURA

31. Bahagian ini akan membincangkan usaha-usaha yang telah diambil oleh Majlis Ugama Islam Singapura di dalam meningkatkan kefahaman dan kesedaran terhadap Islam di kalangan masyarakat Islam Singapura secara khusus dan masyarakat Singapura secara amnya. Ia akan membincangkan usaha di dalam menentukan agenda dakwah Islam, peranan pendidikan yang berkesan dan menarik, penubuhan Pusat Harmoni serta Yayasan Rahmatan Lil-Alamin dan peranannya di dalam meningkatkan kefahaman sebenar terhadap Islam.

#### Membangun Ciri-ciri Masyarakat Islam Singapura Cemerlang

32. Di dalam suasana kehidupan negara majmuk dan bandar kosmopolitan seperti Singapura, masyarakat Islam harus memiliki daya tahan keimanan dan mampu menyesuaikan diri tanpa menggadai prinsip dan identiti Islam mereka. Pada masa yang sama mereka juga perlu selesa melaksanakan kehidupan beragama dengan harmoni. Untuk itu, hasil daripada proses konsultasi bersama tiga kumpulan fokus (aktivis masjid, agamawan dan belia), Majlis Ugama Islam Singapura telah menerbitkan dokumen ‘Risalah Membangun Masyarakat Islam Cemerlang Singapura’<sup>20</sup> pada tahun 2006. Dokumen ini bertujuan untuk memberikan panduan kepada Muslim di Singapura akan nilai-nilai serta rangka pemikiran keagamaan yang dapat membantu mereka di dalam melaksanakan kehidupan beragama dengan yakin dan selesa sebagai seorang Muslim dan warga negara sekular.<sup>21</sup> Pada masa yang

<sup>19</sup> Riwayat Al-Baihaqi, Al-Qudhaie dan Al-'Askari

<sup>20</sup> Untuk mendapatkan dokumen penuh “Risalah Membangun Masyarakat Islam Cemerlang Singapura” sila layari <http://www.muis.gov.sg/cms/uploadedFiles/MuisGovSG/Downloads/Risalah%20Book.pdf>

<sup>21</sup> Sekularisma di dalam konteks Singapura adalah sebagai dasar tidak partisan (neutral) pemerintah terhadap mana-mana agama bagi menjamin keharmonian antara kaum dan bukan bentuk sekularisma yang menafikan peranan agama di dalam kehidupan sosial manusia.

sama, ia menjadi dokumen asas bagi agenda dakwah, kepimpinan agama dan pendidikan Islam di Singapura.

33. Risalah tersebut membincangkan 10 ciri utama yang telah dikenalpasti hasil daripada perbincangan bersama kumpulan-kumpulan fokus di atas dan yang ingin dibangunkan dengan lebih aktif. Ciri-ciri tersebut adalah:

- a. Berpegang teguh pada prinsip Islam dan dapat menyesuaikan diri dengan konteks yang berubah
- b. Menghayati tamadun dan sejarah Islam dan berupaya memahami isu-isu semasa
- c. Menghargai lain-lain tamadun, yakin diri untuk berinteraksi dan sedia belajar daripada masyarakat lain
- d. Mempunyai moral yang tinggi dan sifat kerohanian yang utuh, mampu mengatasi cabaran kehidupan masyarakat moden
- e. Progresif dan mengamalkan Islam lebih sekadar ritual/bentuk dan dapat menyesuaikan diri dengan arus permodenan
- f. Dapat menyesuaikan diri sebagai golongan yang memberi sumbangan dalam masyarakat berbilang agama dan Negara secular
- g. Tidak menyisihkan diri dan menerima kehidupan majmuk tanpa mengabaikan prinsip dan nilai
- h. Percaya bahawa Muslim yang baik adalah rakyat yang baik
- i. Membawa kesejahteraan kepada semua dan menggalakkan nilai dan prinsip sejagat
- j. Menjadi contoh dan inspirasi kepada semua

34. Ciri-ciri di atas dilahirkan sebagai hasil usaha mengharmonikan di antara prinsip, hukum, sejarah dan tradisi Islam serta konteks kehidupan masakini. Sepuluh ciri yang dibincangkan di dokumen Risalah ini dilengkapkan dengan contoh-contoh dan hujjah yang digarap dari kekayaan tamadun Islam. Ini bertujuan untuk mengukuhkan keyakinan pembaca bahawa penyesuaian terhadap pemahaman dan

pengamalan agama adalah kritikal dan boleh dilakukan dengan cara yang mengutkan lagi penghayatan agama Islam.

35. Kini, untuk memudahkan lagi pemahaman masyarakat terhadap ciri-ciri di atas, ia telah dirumuskan ke dalam singkatan **RiCAP** yang bermaksud:

**R- Religiously Resilient** (Mempunyai daya tahan keagamaan)

*Inclusive* (Tidak menyisihkan diri, membawa kesejahteraan dan rahmah untuk semua)

**C- Contributive** (Memberikan sumbangan tanpa mengira agama, bangsa)

*Adaptive* (Mampu menyesuaikan diri dan hidup dengan harmoni di dalam konteks kehidupan di Singapura dan berpegang utuh pada prinsip dan identiti Islam)

**P- Progressive** (Yakin dengan pegangan agama dan berani menerajui bidang-bidang baru dan mengembangkan tradisi Islam)

36. Penerapan ciri-ciri ini telah disampaikan kepada masyarakat melalui wadah-wadah dakwah seperti khutbah, ceramah, kurikulum pendidikan Islam sepenuh masa dan separuh masa. Ia juga diterapkan di dalam pengisian bagi program-program peningkatan intelektual asatizah yang diadakan oleh Akademi Muis (Muis Academy).

### **Pendidikan Islam Yang Berkesan, Dikemaskini dan Menarik**

37. Pendidikan Islam merupakan wadah utama dan strategik di dalam meningkatkan kefahaman dan kesedaran terhadap Islam. Ia perlu selalu dikemaskini untuk memastikan ia kekal relevan dan menarik di samping memberikan panduan yang sesuai dengan lingkungan umur dan perkembangan sekitar.

38. Maka, semenjak 2004, Majlis Ugama Islam Singapura telah membangunkan program pendidikan Islam baru bagi golongan kanak-kanak sehingga belia, yang diberi nama *aLIVE (Learning Islamic Values Everyday)* dan juga program Pendidikan Islam Bagi Dewasa yang diberi nama *ADIL (Adult Islamic Learning)*. Program-program pendidikan baru ini bertujuan mempertingkatkan mutu kandungan pendidikan Islam

agar ia mengambil kira keperluan setiap lapisan masyarakat. Selain memberikan pendedahan kepada kandungan agama, kandungan program-program baru yang bermodul ini juga memuatkan kemahiran sosial, pengurusan kewangan dan tips-tips menjaga kesihatan untuk membantu mereka di dalam menjalankan kehidupan sehari-hari dengan lebih berkesan, sesuai dengan tuntutan agama yang bersifat menyeluruh.

39. Di samping isi kandungan, program-program baru ini juga menggunakan pedagogi dan andragogi yang lebih menarik dan berkesan dalam pendidikan. Ini dilaksanakan dengan membabitkan perbincangan, aktiviti (*experiential*) dan juga penggunaan teknologi audio visual terkini. Satu program istimewa a.L.I.V.E adalah program pendidikan Islam yang diadakan pada setiap cuti sekolah. Program ini bertujuan memberi peluang kepada pelajar yang tidak sempat menghadiri kelas agama mingguan untuk mendapatkan peluang mempelajari agama sekurang-kurangnya pada waktu cuti. Program demikian bertujuan sekaligus meningkatkan minat anak muda kepada pendidikan Islam.

40. Langkah-langkah juga telah diambil untuk memasarkan program-program ini melalui bukan hanya media massa cetak tetapi juga melalui wadah Media Baru (New Media) seperti facebook, youtube, blogspot, twitter dan sebagainya. Dengan kandungan dan pendekatan yang dipertingkatkan dan menarik, Muis berharap pemahaman dan kesedaran masyarakat Islam terhadap nilai-nilai universal dan kemanusiaan Islam dapat dihayati.

### **Memasyarakatkan Dialog Antara Agama dan Menerangkan Islam- Peranan Pusat Harmoni (Harmony Centre)**

41. Sebagaimana yang dikenalpasti di bahagian kedua kertas kerja ini, di dalam meningkatkan pemahaman masyarakat bukan Islam terhadap Islam, dialog merupakan titik permulaan yang baik. Dan ini perlu dilakukan bukan hanya di peringkat intelektual tetapi lebih penting lagi, peringkat akar umbi.

42. Untuk meningkatkan kesedaran masyarakat majmuk di Singapura terhadap wajah rahmah dan kemanusiaan Islam dan Muslim, Pusat Harmoni (Harmony Centre)

yang terletak di dalam Masjid An-Nahdhah telah ditubuhkan oleh Muis dan dirasmikan pembukaannya oleh Perdana Menteri Singapura Encik Lee Hsien Loong pada 7hb Oktober 2006 bersamaan dengan bulan Ramadan 1427. Ia adalah merupakan himpunan pelbagai inisiatif beberapa tahun yang telah diusahakan Muis untuk lebih terbuka dan telus dalam memperkenalkan Islam kepada rakyat Singapura yang berbilang agama dan bangsa. Ia boleh dilihat melalui program-program lawatan dan kerjasama di antara masjid-masjid dengan badan-badan akar umbi, nasional dan sosial.

43. Sesuai dengan ciri masyarakat Islam cemerlang yang dilakarkan di atas, Pusat Harmoni adalah sumbangan masyarakat Islam untuk mengekalkan kesejahteraan dan keharmonian kaum dan agama di Singapura. Ia secara tidak langsung juga dapat mencerminkan kepada warga Singapura umumnya sifat inklusif masyarakat Islam. Ini jelas daripada matlamat-matlamat penubuhan Pusat Harmoni seperti berikut:

- a. Untuk meningkatkan kefahaman akan ajaran dan wajah Islam dan Muslim yang sebenar
- b. Untuk menggalakkan dialog dan hubungan silang agama di setiap peringkat samada kepimpinan, masyarakat, akarumbi, belia dan pelajar melalui seminar, bengkel, lawatan sambil belajar dan lain-lain
- c. Untuk memperkuatkan hubungan sosial di antara berbilang masyarakat beragama untuk membina masyarakat yang lebih bersatu padu dan berdaya tahan serta dapat menangani sekiranya ada krisis dengan lebih rasional dan matang.

44. Sejak perasmianya, lebih kurang 24,553 pelawat telah melawatnya dan 92% adalah pelawat bukan Islam. Majoriti pelawat adalah terdiri dari organisasi-organisasi keagamaan, sekolah-sekolah nasional, persatuan-persatuan akarumbi, pemimpin-pemimpin masyarakat dan individu. Oleh kerana keunikannya, ia telah menarik minat ramai diplomat-diplomat, para pegawai pemerintah luar negara dan bukan pemerintah untuk melawatnya. Secara tidak langsung Pusat ini telah dapat mengenalkan Islam dalam bentuk kesuciannya dan mempamerkan apa pengertiannya sebagai seorang muslim dalam dunia yang mencabar dan sentiasa berubah ini. Ia juga mempamerkan bagaimana masyarakat Islam dalam sejarah di seluruh dunia telah juga menyumbang

kepada kesejahteraan kemanusiaan dan kebaikan tamadun manusia. Untuk menjangkau lebih ramai pelawat, Pusat Harmoni telah juga melancarkan lelaman internet untuk lawatan di alam maya secara 3D dan boleh dilihat di <http://harmonycentre.sg>

45. Dari sudut program di Pusat Harmoni pula, ia boleh dikelompokkan ke dalam tiga strategi utama

46. **Latihan** - Membangunkan kemahiran dalam kerja berbilang agama (Interfaith Work) untuk dapat menyampaikan mesej dengan lebih berkesan. Program latihan kerjasama juga telah diadakan dengan beberapa organisasi silang agama terkenal seperti Hartford Seminary (USA) dan Mumbai Institute for Diversity and Secularism (India). Usaha ini telah berjaya mewujudkan sekumpulan pegawai dan aktivis silang agama di setiap lapisan masyarakat. Fokus membina kapasiti ini dapat memberi keyakinan dan kemahiran kepada para aktivis atau pegawai dalam memberi taklimat dengan lebih efektif dan sempurna kepada para pelawat.

47. **Pembelajaran** – Membina jembatan (building bridges) untuk memahami amalan-amalan asas agama-agama lain. Ini dilakukan melalui program tukikan Pusat Harmoni ialah Kembara Ilmu (Learning Journey) di mana ia menerima lawatan ramai kumpulan seperti pelajar-pelajar sekolah, organisasi-organisasi masyarakat dan juga akarumbi. Sebagai aturcara lawatan, para pelawat akan dibawa melawat pameran Pusat Harmoni dan diberi maklumat penting berkenaan Islam dan masyarakat Islam diikuti dengan sesi interaktif untuk mengetahui lebih lanjut lagi kerja-kerja silang agama dan program silang agama Pusat Harmoni.

48. **Program Mendamping** – Memperdalam persefahaman dan hubungan kemanusiaan. Selain memperkenalkan Islam, Muis juga akur bahawa hubungan antara agama harus berdasarkan hubungan kemanusiaan yang kukuh. Persefahaman hanya akan dapat bertahan dengan wujudnya persahabatan. Untuk itu Pusat Harmoni juga telah menubuhkan Rangkaian Pemimpin-Pemimpin Silang Agama, untuk membina hubungan rapat di antara para pemimpin masyarakat dan aktivis silang agama untuk mempelajari dan berkongsi isu-isu yang menjadi perhatian bersama dan amalan amalan terbaik (best practices). Rangkaian ini juga telah mewujudkan secara

informal rangkaian muhibbah pemimpin pemimpin agama dan juga "Rangkaian Rakan-Rakan Pusat Harmoni" (Friends of the Harmony Centre).

### **Yayasan Rahmatan Lil- 'Alamin- Membangun Ihsan, Menggarap Kemahiran untuk Insan**

49. Selain usaha dialog dan pertukaran maklumat serta jalinan hubungan, masyarakat Islam Singapura juga merasakan bahawa kewujudan dan nilai-nilai mulia Islam dan Muslim akan lebih dihargai jika ia diterjemahkan ke dalam amalan kebaikan yang mempertingkatkan mutu kehidupan manusia secara langsung. Untuk itu, Yayasan Rahmatan Lil-'Alamin telah ditubuhkan pada 2009 bersempena sambutan ulang tahun ke-40 Majlis Ugama Islam Singapura. Walaupun baru ditubuhkan, ia merupakan himpunan usaha-usaha kebajikan dan kemanusiaan masyarakat Islam yang telah wujud lama sebelum yayasan ini ditubuhkan.

50. Yayasan ini merupakan wadah di mana masyarakat Singapura secara khusus dan masyarakat dunia secara umumnya dapat melihat wajah kemanusiaan masyarakat Islam Singapura dan merasakan rahmah serta kebaikan yang mereka terjemahkan melalui bantuan kemanusiaan kepada mangsa-mangsa malapetaka dan krisis kemanusiaan lain. Ia juga pada masa yang merupakan suatu pendidikan untuk masyarakat Islam Singapura akan peranan yang mereka harus mainkan di dalam menabur bakti kepada saudara seinsan.

51. Selain dari bantuan-bantuan kemanusiaan yang dihulurkan, Yayasan Rahmatan Lil-'Alamin juga bertujuan untuk memperkasakan masyarakat Islam melalui pemberian gran bantuan kewangan berdasarkan syarat-syarat tertentu. Pada masa yang sama, Yayasan ini juga bertujuan, melalui gran kewangan yang diberikan, untuk membangun kemahiran dan kemampuan masyarakat Islam bukan hanya untuk merancang dan menjalankan misi kemanusiaan tetapi juga mewujudkan program-program pembangunan yang mempunyai kesan jangka panjang serta berterusan untuk masyarakat setempat dan global yang memerlukan tanpa mengira agama, bangsa atau budaya. Yayasan Rahmatan Lil-'Alamin ini juga pada masa yang ingin melibatkan seramai mungkin belia di dalam projek-projek pembangunan dan kemanusiaan yang akan dianjurkan demi memastikan penghayatan nilai Rahmatan

Lil-'Alamin di kalangan golongan ini. Untuk itu Yayasan Rahmatan Lil-'Alamin juga menyokong inisiatif golongan belia Singapura di dalam kerja-kerja sukarelawan mereka.

## **PENUTUP**

52. Kesedaran dan kefahaman terhadap Islam adalah suatu usaha berterusan yang harus dilaksanakan oleh umat Islam. Ia harus didasari penghayatan sebenar nilai Rahmatan Lil-'Alamin, persaudaraan seinsan serta keyakinan yang utuh terhadap Islam. Nilai-nilai sejagat Islam harus menjadi jembatan memangkin keamanan serta kemakmuran bukan hanya di kalangan umat Islam tetapi di kalangan yang bukan Islam.

53. Sebagai penutup, kertas kerja ini menyarankan untuk diadakan program tukaran atau kerjasama melalui rangkaian golongan belia di peringkat MABIMS yang melibatkan projek-projek kebajikan dan kemanusiaan yang disasarkan kepada golongan yang memerlukan tanpa mengira agama, bangsa ataupun budaya.

54. Tujuannya adalah pertama untuk menyemarakkan semangat rahmatan Lil-'Alamin di kalangan belia Islam dan pada masa yang sama untuk mewujudkan kefahaman di kalangan masyarakat bukan Islam setiap negara akan nilai-nilai kemanusiaan yang dihayati oleh masyarakat Islam. Kedua, adalah untuk membina keyakinan belia kita terhadap kesejagatan agama Islam yang dianuti mereka dan membangun kemahiran mereka untuk menjadi duta Islam yang berkesan dengan menguasai kemahiran berinteraksi melalui kerja-kerja kebajikan pembangunan.

---